

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/8/2008

Mahathir jelas konsep liberal Anwar *UM-25/8/2008*

KUALA LUMPUR 24 Ogos - Konsep liberal yang dilancarkan oleh Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim dan para pemimpin pembangkang yang lain hanyalah untuk menunjuk-nunjuk.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Anwar dan pemimpin pembangkang lain sememangnya tidak pernah berniat untuk mengamalkan prinsip liberal termasuk menolak sikap perkauman dan sebagainya.

"Bagaimanapun, ia merupakan pendekatan politik yang baik untuk memperdaya intelektual yang naif dan para penyokong mereka," kata Dr. Mahathir dalam laman blognya, www.chedet.com.

Jelas beliau, golongan intelek di negara ini hanya membiarkan diri mereka dipimpin secara memababuta tanpa menyedari ahli politik pembangkang sebenarnya mentertawakan mereka.

"Sudah tiba masanya bagi mereka yang digelar intelektual supaya sedar bahawa mereka sudah diperdayakan oleh Raja Putar Belit, seorang Islam yang alim yang juga teman rapat Paul Wolfowitz, seorang neo-Yahudi yang penipu, pembunuh orang Islam dan sekolah Cina dan penyokong Hindraf," tambah beliau.

Kata Dr. Mahathir, golongan intelektual yang liberal perlu melihat bahawa pada Pilihan Raya Umum 8 Mac lalu, apa yang berlaku bukanlah kemenangan pembangkang tetapi rakyat menolak Barisan Nasional (BN).

Bagaimanapun, golongan intelektual yang liberal itu begitu percaya bahawa mereka sudah meyakinkan pembangkang dan pengundi tentang dasar liberal yang diimpikan di negara ini.

"Jadi apabila ada anggota parti pembangkang yang menyatakan bantahan untuk membincangkan isu-isu sensitif, perkara itu dilihat sebagai mengkhianati pakatan pembangkang," katanya.

Jelas Dr. Mahathir, golongan intelektual di negara ini tidak akan mengakui bahawa mereka telah melakukan kesilapan yang besar.

"Anjurkanlah forum untuk membincangkan apa yang mereka suka. Mereka sedang membina ruang di antara masyarakat dan kembali kepada era perkauman.

"Mereka sebenarnya sedang membantu untuk mewujudkan sebuah rejim yang tidak cekap dan penuh dengan rasuah. Mereka sebenarnya membantu memusnahkan negara," katanya.